

# Malaysia bakal jadi hab teknologi maklumat – PM

BH Online 15.8.2020

Oleh **Mohamed Farid Noh** - Ogos 15, 2020 @ 2:07pm  
farid\_noh@bh.com.my



Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin (lima, kiri) dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman (tiga, kanan) bergambar pada Sesi Townhall bersama Penjawat Awam hari ini. Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohamad (tiga, kiri), Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz (dua, kanan) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Azmi Rohani (kiri). - Foto BERNAMA

**JOHOR BAHRU:** Gergasi teknologi dunia, Microsoft, Google dan Amazon menunjukkan minat yang tinggi dalam membantu Malaysia memajukan bidang teknologi maklumat.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendedahkan, beliau baru-baru ini mengadakan perbincangan dalam satu pertemuan dengan wakil gergasi teknologi dunia berkenaan.

"Mereka (Microsoft, Google dan Amazon) berminat bukan sahaja untuk membantu Malaysia memajukan bidang teknologi maklumat malah mahu menjadikan negara sebagai pusat serantau atau hab teknologi maklumat.

"Namun, perkara pokok kita yang utama bagaimana mahu memperluaskan lagi rangkaian internet kita di seluruh pelusuk negara.

"Sebagai contoh insiden ada pelajar kita di Sabah yang terpaksa bermalam di atas pokok kerana mencari rangkaian internet, ini perlu dibaiki lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab selepas merasmikan Majlis Perjumpaan bersama Penjawat Awam Johor, di sini, hari ini.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Johor mulai hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani.

Jun lalu, video tular seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Veveonah Mosibin, 18, memanjat pokok di kampungnya di Pitas, Sabah demi mendapatkan talian internet untuk menduduki peperiksaan dalam talian mendapat reaksi positif netizen.

Veveonah memuat naik video itu pada 12 Jun lalu di YouTube, dan tidak menyangka menerima lebih 150,000 tontonan dan dibanjiri reaksi serta komen positif selain turut dikongsi oleh UMS.

Menerusi video terbaharu dimuat naik pada 14 Jun lalu, Veveonah yang berasal dari Kampung Sapatalang, turut gembira dengan sokongan dan motivasi yang diterimanya susulan perkongsian video berkenaan.